



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SIMBOL KECANTIKAN WANITA DALAM MANTERA BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK

NOOR HAFIZAH BINTI ZAMRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SIMBOL KECANTIKAN WANITA DALAM
MANTERA BERDASARKAN
TEORI SEMIOTIK

NOOR HAFIZAH BINTI ZAMRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UPSII/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي قنديدين سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada11.....(hari bulan).....02.....(bulan) 20.....20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOOR HAFIZAH BINTI JAMRI M20152002002 FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk SIMBOL KECANTIKAN WANITA DALAM MANTERA BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Hafizah

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. HASRINA BINTI BAHARUM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk SIMBOL KECANTIKAN WANITA DALAM MANTERA BERDASARKAN TEORI SEMIOTIK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

11 FEBRUARI 2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريستي قنديدين سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: SIMBOL KECANTIKAN WANITA DALAM MANTERA
BERDASARKAN TEORI SEMIOTIKNo. Matrik / Matric No.: M20152002002Saya / I: NOOR HAFIZAH BINTI YAMRI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**Hafta

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 11 FEBRUARI 2020

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat bertahan dan berdiri di sini sebagai pelajar Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Di sini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada beberapa pihak yang telah banyak membantu saya untuk menyiapkan disertasi ini. Penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Hasrina binti Baharum kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, semangat dan panduan dalam menyelesaikan disertasi ini. Penghargaan diberikan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) serta Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak kerana memberikan bimbingan dan panduan dalam menyelesaikan disertasi ini. Penghargaan juga turut diberikan kepada Kolej UNITI Port Dickson, tempat saya berkhidmat kerana sudi memberikan peluang untuk saya menyambung pengajian peringkat sarjana walaupun terikat dengan komitmen mengajar dan tugas-tugas yang lain. Saya juga ingin berterima kasih kepada pendorong utama saya iaitu suami tercinta, Koperal Mohd Rosidi bin Abdullah kerana kesabaran dan pengorbanan dari sudut kewangan serta masa untuk menemani saya setiap kali berjumpa penyelia di fakulti. Jutaan terima kasih juga buat ibu bapa dan keluarga yang banyak menyokong dan mendoakan usaha saya hingga ke tahap ini. Didedikasikan juga ucapan terima kasih kepada sahabat saya, Puan Nur Fadhilah binti Awang, Cik Nor Hanita binti Ramli dan Cik Nor Farahin binti Zulkifli yang banyak memberikan sokongan dan bantuan sepanjang menyiapkan disertasi ini. Terima kasih atas doa dan sokongan kalian.





ABSTRAK

Kajian simbol kecantikan wanita dalam mantera menumpukan penelitian terhadap unsur simbol kecantikan wanita yang terdapat dalam teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji simbol kecantikan wanita dalam mantera berdasarkan teori semiotik. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti simbol dan menganalisis makna simbol kecantikan wanita yang digunakan dalam mantera Melayu. Reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan bagi menelaah bahan rujukan ahli sarjana luar dan dalam negara sebagai hujah untuk menyokong analisis pengkaji. Analisis kandungan pula pengkaji secara teliti mengenal pasti simbol dan menganalisis makna simbol kecantikan wanita secara luaran dan dalaman yang terdapat dalam teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*. Instrumen kajian yang digunakan ialah senarai semak simbol dan makna simbol kecantikan wanita secara luaran dan dalaman dalam mantera berdasarkan model perkaitan tanda dalam teori semiotik Pierce. Dapatan kajian menemukan simbol kecantikan luaran terdiri daripada anggota badan, objek atau perkara dan tumbuh-tumbuhan, sementara simbol kecantikan dalaman pula terdiri daripada cakerawala, binatang dan juga tumbuh-tumbuhan merujuk kepada sifat dalaman wanita bukan sekadar dinilai luaran sahaja. Penelitian yang telah dilakukan terhadap teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* dengan menggunakan teori semiotik Pierce mendapati bahawa ikon, indeks dan simbol yang digunakan amat dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu bagi penyampaian konsep kecantikan wanita secara luaran dan dalaman untuk memperlihatkan kearifan tempatan yang digambarkan dalam masyarakat Melayu terdahulu sebagai ilmu dan pendidikan kepada generasi kini dalam mengungkapkan makna di sebalik tanda.





THE SYMBOL OF WOMAN BEAUTY IN THE MANTRA BASED ON THE SEMIOTIC THEORY

ABSTRACT

The study of symbol of women's beauty in the mantra emphasises on the analysis of the elements of women's beauty symbol as contained in the text of *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*. The purpose of this research is to study the women's beauty symbol in the mantra based on semiotic theory. The objective of the study is to identify and analyse the meaning of women's beauty symbol used in Malay mantra. The design of the study was a qualitative one, using a library study in examining the reference materials from both external and internal scholars as arguments to support the analysis of the study. The content analysis was also conducted by analysing the meaning of women's beauty symbol externally and internally in the text of *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*. The research instrument used was a checklist of symbol and meaning of women's beauty symbol externally and internally within the mantra based on the signs relevance model of Pierce semiotic theory. The findings of the study revealed that external beauty symbol consisted of body limbs, objects or things and plants. On the other hand, the symbol of inner beauty was made up of the firmaments, animals and plants to indicate that the inner nature of women is not just based on external value only. The research that has been done on the text of *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* using Pierce semiotic theory found that the use of icon, index and symbol are very significant to the life of the community in delivering the concept of women's beauty externally and internally to portray the local knowledge of the community in the past as a science and education for today's generation in revealing the meaning behind the signs.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Definisi Istilah Kajian	15
1.8.1	Simbol Kecantikan Wanita	15
1.8.2	Mantera	18
1.8.3	Teori Semiotik Pierce (1965)	20

1.9	Kesimpulan	23
-----	------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Tinjauan Literatur Dalam Negara	26
2.2.1	Ijazah Doktor Falsafah	26
2.2.2	Ijazah Sarjana	27
2.2.3	Jurnal	29
2.2.4	Artikel	33
2.2.5	Prosiding	34
2.3	Tinjauan Literatur Luar Negara	35
2.3.1	Ijazah Sarjana	35
2.3.2	Jurnal	38
2.3.3	Artikel	39
2.4	Kesimpulan	40

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.2.1	Kajian Kepustakaan	43
3.2.2	Kajian Analisis Kandungan	44
3.2.3	Teori Semiotik Pierce (1965)	44
3.2.4	Kerangka Teori Kajian	49
3.3	Instrumen Kajian	53
3.3.1	Senarai Semak Objektif Pertama dan Kedua	53
3.4	Analisis Data	56
3.5	Kesimpulan	58

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	59
4.2	Simbol-simbol Kecantikan Wanita dalam Mantera Melayu	60
4.2.1	Simbol Kecantikan Luaran Wanita	61
4.2.1.1	Anggota Badan	62
4.2.1.2	Objek atau Perkara	66
4.2.1.3	Tumbuh-tumbuhan	68
4.2.2	Simbol Kecantikan Dalaman Wanita	69
4.2.2.1	Cakerawala	70
4.2.2.2	Binatang	72
4.2.2.3	Tumbuh-tumbuhan	73
4.3	Makna Simbol Kecantikan Wanita	75
4.3.1	Makna Simbol Kecantikan Luaran Wanita	76
4.3.1.1	Anggota Badan	77
4.3.1.2	Objek atau Perkara	90
4.3.1.3	Tumbuh-tumbuhan	96
4.3.2	Makna Simbol Kecantikan Dalaman Wanita	99
4.3.2.1	Tumbuh-tumbuhan	100
4.3.2.2	Cakerawala	109
4.3.2.3	Binatang	117
4.4	Kesimpulan	121

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pendahuluan	124
5.2	Simbol-simbol Kecantikan Wanita dalam Teks <i>Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu</i>	125

5.2.1	Simbol Kecantikan Luaran dan Dalaman Wanita	125
5.2.2	Makna Simbol Kecantikan Wanita Secara Luaran dan Dalaman	126
5.3	Implikasi Kajian	127
5.4	Cadangan Kajian	129
5.5	Kesimpulan	130
	RUJUKAN	131
	LAMPIRAN	138

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1	Senarai Semak Simbol Kecantikan Luaran Wanita	54
2	Senarai Semak Simbol Kecantikan Dalam Wanita	54
3	Senarai Semak Makna Simbol Kecantikan Luaran Wanita	54
4	Senarai Semak Makna Simbol Kecantikan Dalam Wanita	55
5	Jumlah Mantera Mengandungi Ikon, Indeks dan Simbol Kecantikan Wanita Secara Dalam dan Luaran	57
6	Tanda-Tanda yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Luaran	61
7	Tanda-Tanda yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Dalam	69
8	Anggota Badan yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Luaran	77
9	Objek atau Perkara yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Luaran	90
10	Tumbuh-tumbuhan yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Luaran	97
11	Tumbuh-tumbuhan yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Dalam	100
12	Cakerawala yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Dalam	109
13	Binatang yang Menjadi Simbol Kecantikan Wanita Secara Dalam	117
14	Senarai Semak Mantera yang Mengandungi Ikon, Indeks dan Simbol Kecantikan Wanita Secara Luaran	138
15	Senarai Semak Mantera yang Mengandungi Ikon, Indeks dan Simbol Kecantikan Wanita Secara Dalam	146





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	42
3.2	Aliran Kaedah Penyelidikan Kepustakaan	43
3.3	Model Perkaitan Tanda dalam Teori Semiotik Pierce (1965)	45
3.4	Kerangka Teori Kajian	52





SENARAI SINGKATAN

dlm.	dalam
Dr.	Doktor
FBK	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
FKIP	Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan
GJAT	<i>Global Journal Al-Thaqafah</i>
ICM	<i>Idealised Cognitive Models</i>
IPS	Institut Pengajian Siswazah
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KBSM	Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MPH	Model Pierce Hashim Awang
NUN	Nadwah Ulama Nusantara
STKIP	Studi Keguruan dan Ilmu Pendidikan
S.W.T	Subhanahu Wa Taala
UNITI	Universiti Teknologi Islam
UPI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Perkataan ‘mantera’ berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu ‘mantra’ atau ‘manir’ yang merujuk kepada ucapan kudus dalam kitab-kitab suci Veda yang mengandungi unsur magis dan jampi serapah. Mantera menjadi amalan yang merangkumi seluruh hidup masyarakat Hindu terutama untuk tujuan kebaikan (T. Plattes, 1960, p. 1071). Menurut Soedjijono *et al.*, (1987), isi mantera tidak boleh diubah dan tidak boleh diajar kepada orang yang belum berhak kerana pelanggaran atau penyalahgunaannya dipercayai akan mendatangkan kesan yang buruk.





Haron Daud (1996) mengatakan kelahiran mantra berkait rapat dengan corak hidup masyarakat dan keadaan alam sekeliling, terutama bagi masyarakat zaman permulaan (p. 73). Unsur-unsur alam seperti tanah, api, air dan angin memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka, baik sebagai sumber rezeki mahupun sebagai punca berlakunya bencana. Kaitan rapat antara unsur-unsur alam dengan masyarakat menimbulkan keinginan di jiwa mereka untuk ‘mengucap syukur’ kepada kuasa atau sumber yang memberi rezeki dan ‘memohon perlindungan’ daripada ditimpa bencana. Hal ini ada kaitan dengan bentuk kepercayaan masyarakat tersebut atau dengan perkataan lain, mantra lahir daripada pemerhatian dan kepercayaan masyarakat yang secara langsung melibatkan pemikiran pencipta dan pengamal mantra (Haron Daud, 1996, p. 11).



Dalam mantra, si pengamal sering menggunakan unsur alam sebagai lambang seperti gunung dan laut, bergantung pada bentuk mantra yang digunakan. Jika mantra digunakan sebagai penghias diri atau penggamit kasih, selalunya diungkapkan sesuatu yang indah dan menyenangkan seperti bulan, matahari, bintang dan sebagainya. Jika mantra itu khusus untuk kekuatan tenaga sama ada zahir atau batin, sering kali kekuatan besi seperti besi khursani dirujuk. Pemaparan beberapa mantra memperlihatkan betapa manusia memerlukan suatu kuasa untuk merubah nasib diri sejajar dengan matlamat yang diingini. Sikap kebergantungan manusia amat ketara sehingga dicipta suatu mantra yang ampuh dan mujarab di samping memohon kepada suatu kuasa yang mutlak untuk mengabulkannya (Noriah Mohamed, 2006, p. 142).





Malah, dalam karya sastera, penggunaan simbol atau perlambangan memberikan erti kepada penulisan dan melangkaui apa-apa yang digambarkan oleh pembaca. Penggunaan simbol dalam karya-karya sastera klasik dapat dilihat dalam ungkapan seperti ‘bunga bukan sekuntum, kumbang bukan seekor’. ‘Bunga’ dan ‘kumbang’ merupakan simbol kepada gadis dan jejaka (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2011, p. 4).

Simbol turut terdapat dalam bidang agama, seni, sastera, sejarah, mitos dan bahasa (Cassirer Ernst, 1953, p. 2). Dalam karya sastera, terdapat banyak simbol yang digunakan oleh penulis. Bagi menyampaikan mesej, penulis biasanya menggunakan simbol-simbol tertentu yang berkaitan dengan sosio budaya, pengalaman, pengetahuan dan latar belakang mereka. Apabila pembaca ingin menikmati karya sastera, pembaca ‘dipaksa’ untuk menemukan makna disebalik simbol-simbol yang digunakan (Azmah Nordin, 2009, p. 3).

Pemikiran masyarakat Melayu tradisional tentang simbol keterampilan yang ada pada setiap wanita diperlihatkan secara jelas melalui mantera dan ungkapan-ungkapan berkaitan dengan karya-karya tradisional Melayu terutamanya yang terdapat dalam mantera. Melalui pemikiran budaya masyarakat Melayu dalam konteks kecantikan wanita, pengkaji cuba mengenal pasti simbol-simbol tertentu yang terdapat dalam teks kajian pengkaji. Sebagai contoh, dapat dilihat dalam mantera pemanis di bawah :





Sinar mencerang akan mukaku
 Bintang timur akan matakku
 Gajah jantan akan badanku
 Harimau buas akan sandarku
 Buaya ganas kedudukanku.
 (Ulit Mayang *Kumpulan Mantera Melayu*, 2004, p. 205)

Contoh di atas diperolehi daripada mantera pemanis yang terdapat di dalam teks kajian pengkaji. Perkataan bintang timur merujuk kepada sesuatu yang bersinar. Makna perkataan tersebut dijadikan fokus utama kepada wanita yang mengamalkan mantera pemanis kelihatan cantik dan menarik perhatian orang di sekelilingnya apabila tertumpu kepada penampilannya sama ada secara luaran dan dalaman yang mampu memukau perhatian ramai orang yang memandangnya.



Unsur simbol ialah penjenisan lambang-lambang yang dirujuk kepada objek asal dengan satu kawalan peraturan yang khusus. Lambang-lambang ini terdiri daripada beberapa kategori iaitu ikon (penanda) merupakan manusia, indeks (petanda) adalah perwatakan manusia dan simbol (tanda) yang terdiri daripada haiwan, tumbuhan, objek, alam, cakerawala, warna dan sebagainya. Setiap orang kadang-kadang mempunyai tafsiran yang sama terhadap sesuatu simbol berdasarkan penerimaan budaya setempat (Supardy Muradi, 1989, p. 131).

Bagi memahami sesuatu simbol dalam karya, pembacaan, pemahaman dan penghayatan terhadap sesebuah karya perlulah dilakukan oleh pembaca. Dengan itu, pembacaan, pemahaman dan penghayatan terhadap teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) karya Haron Daud dilakukan pengkaji untuk mengenal pasti simbol-simbol kecantikan wanita dan menganalisis makna di sebalik simbol-simbol





kecantikan wanita yang digunakan dalam mantera Melayu dengan menggunakan teori semiotik Pierce (1965).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian terhadap simbol telah melahirkan satu bidang ilmu yang dikenali sebagai semiotik. Semiotik merupakan cabang ilmu yang berurusan dengan tanda dengan pengkajian tanda dan segala sesuatu yang berhubungan dengan tanda, seperti sistem tanda dan proses yang berlaku bagi tanda (Zoest dlm. Alfian Rokmansyah, 2014, p. 93-94).



Melalui perkembangan sejarah, semiotik sebagai sains mengkaji sistem perlambangan telah pun bermula sejak zaman *Greek* lagi. Kewujudannya dikatakan bermula sejak zaman Plato dan Aristotle iaitu apabila kedua-dua tokoh ini memperkenalkan sebuah teori bahasa dan makna. Istilah ini kemudiannya telah digunakan dengan begitu meluas oleh golongan Stoics, tetapi teori ini mula ditinggalkan sehinggalah abad ke-17 (Mana Sikana, 2013, p. 101).

Kajian tentang tanda atau ilmu tanda lebih dikenali dengan nama semiologi atau semiotik. Ferdinand De Saussure, seorang ahli bahasa dari Switzerland yang telah diakui sebagai bapa ilmu keteorian bahasa mempelopori teori semiologi. Teori semiologi mencadangkan supaya sebuah teori kajian terhadap bahasa yang berbentuk saintifik iaitu mengkaji bahasa atau komunikasi melalui tanda-tanda linguistik. Charles Sanders Peirce pula menyarankan agar pengkajian bahasa dilakukan dengan





lebih saintifik melalui teori semiotik. Daripada kedua-dua teori ini kemudiannya muncul beberapa definisi ilmu tanda. Teori semiotik mula mendapat perhatian dan begitu berpengaruh terutama di Amerika (Supardy Muradi, 1990, p. 6).

Kajian mengenai semiotik dan simbol menjadi popular di Malaysia melalui beberapa tulisan dalam majalah *Dewan Sastera* oleh beberapa orang sarjana tempatan yang mendiami institusi pengajian tinggi di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Sarjana-sarjana yang dimaksudkan antaranya Umar Junus, Supardy Muradi, Mana Sikana, A. Rahim Abdullah dan Sahlan Mohd Saman. Kajian serius dalam bentuk latihan ilmiah dan tesis di peringkat Sarjana Sastera mula muncul di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (Sahlan Mohd Saman, 2014, p. xi).

Malah, kajian yang menggunakan konsep simbol ini mampu mengungkap cara pengkarya menghasilkan sesuatu konsep penceritaan yang sesuai dengan konteks peristiwa dan latar pencerita itu sendiri. Melalui konsep simbol ini, pemikiran dan idea yang dihasilkan oleh pengarang akan menjadi lebih bermakna kepada pembaca umumnya dan pengkaji sastera khususnya (Siti Ezaleila Mustafa, 2009, p. 17).

Simbol daripada struktur kata-kata dalam mantera boleh memberikan rangsangan semangat kepada pendengarnya. Kesan keindahan yang terdapat dalam mantera tersebut dapat merangsang deria lihat dan deria dengar dan ia boleh mencetuskan kesan rasa seperti ‘terpikat’, ‘terpegun’ dan seumpamanya. Namun, jika kesan keindahan itu terlalu kuat dan hebat serta tidak dapat diimbangi oleh kekuatan





akal, maka ia akan meninggalkan si penerima dalam keadaan jiwa yang celaru dan ‘kacau’ sehingga akan mengakibatkan timbulnya keadaan seperti ‘lupa diri’, ‘mabuk’ dan boleh membawa kepada ‘pengsan’. Contohnya, dalam mantera ‘Ulit Mayang’, semangat pesakit dipulihkan dengan pujukan lembut sehingga makhluk halus seperti hantu laut yang menegur nelayan, kembali ke tempat asalnya. Mantera ‘Ulit Mayang’ juga digunakan untuk memulihkan orang yang dirasuk oleh hantu hutan (Rogayah A. Hamid, 2007, p. 63).

Masyarakat Melayu lama dikatakan mempunyai kebebasan dan bersifat tersendiri dalam membuat dan mencari istilah atau perbandingan yang mereka rasakan pada waktu itu. Kenyataan ini dibuktikan dengan gambaran yang dilakukan oleh masyarakat Melayu lama dalam menggambarkan kecantikan seorang puteri. Menurut kajian Ghazali yang dipetik oleh Wan Akmal Wan Semara di dalam bukunya (*Unsur Puitika dalam Puisi Melayu Tradisional*, 2005, p. 20) mendapati bahawa sastera Melayu lama turut memperlihatkan contoh terbaik terhadap penggunaan bahasa perbandingan dalam bahasa berirama. Menurut beliau juga, masyarakat Melayu lama menggunakan unsur bahasa perbandingan jenis simile untuk menggambarkan kecantikan puteri itu. Simbolik merupakan salah satu unsur bahasa perbandingan yang sebenarnya melibatkan proses pemindahan sifat seseorang kepada sesuatu yang lain. Ringkasnya, maksud atau makna yang hendak disampaikan adalah menggunakan benda lain sebagai lambang atau simbolnya.

Selain itu, dalam *Kumpulan Pantun Melayu*, terdapat beberapa jenis bunga yang digunakan secara umum dan khusus. Bunga-bunga yang disebutkan namanya khusus seperti bunga ‘Kembang Pagi’, bunga Cina dan bunga Melur. Bunga





digambarkan sebagai sesuatu yang cantik, indah, harum, mekar, wangi dan sebagainya. Oleh itu, bunga digunakan untuk melambangkan perihal kecantikan wanita. Simbol-simbol yang disebutkan itu memperlihatkan siratan maknanya sebagai tanda secara denotatifnya. Penggunaan simbol ini serba sedikit mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu dalam menyampaikan idea dan maksud melalui pantun yang merupakan wadah komunikasi antara masyarakat pada zaman dahulu, kini dan mungkin juga akan datang. Penggunaan atau pemilihan simbol yang sesuai pula berperanan untuk memberi kesan makna yang hendak disampaikan secara langsung (Tengku Intan Marlina & Mohamad Shaidan, 2009).

Pelopor dan pengkaji yang pernah mengkaji tentang simbol dengan menjadikan mantra sebagai bahan kajian beliau antaranya ialah Haron Daud (1996) melalui kajian tesis PhD bertajuk “Mantera Sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu”. Perbincangan kajian ini adalah terbatas kepada penentuan ciri dan konsep mantra, jenis dan fungsi, mantra sebagai karya sastra, kedudukan mantra dalam masyarakat, memahami simbol dalam mantra dan pemikiran orang Melayu berdasarkan apa yang terpancar dalam mantra. Malah, kegunaan mantra mengikut jenis adalah bergantung kepada keperluan individu dan kelompok masyarakat itu sendiri. Keberkesanannya pula bergantung kepada keyakinan dan kepatuhan pengamal dengan persyaratan, pengucapan yang tepat dan bermakna.

Kajian terhadap simbol kecantikan wanita dalam teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) karya Haron Daud ini belum lagi dilakukan oleh para ilmuwan. Namun, ramai yang telah mengkaji teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) seperti Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria dan Abdul





Halim Ali tetapi dari sudut dan perspektif yang berlainan. Dengan itu, teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) telah dipilih oleh pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur simbol yang terdapat dalam teks tersebut di samping mencapai objektif pengkaji menggunakan simbol dalam teks ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian berhubung dengan mantera telah banyak dikaji oleh pengkaji sama ada dalam atau luar negara. Kajian yang telah dilakukan berhubung dengan mantera dilihat oleh pengkaji lebih berfokus kepada perubatan dan unsur-unsur yang dapat menyembuhkan penyakit. Namun, dari sudut bahasa dan kata-kata yang terdapat dalam mantera adalah sebagai simbol yang terdapat dalam mantera berkaitan kajian ini dilihat sebagai satu disiplin yang meluaskan bagi mantera terutamanya dalam bidang bahasa yang bukan sahaja dilihat sebagai perubatan semata-mata malah sebagai lambang atau simbol kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, budaya sesuatu yang dinamik. Ia mampu berubah dari masa ke semasa. Hal ini bermakna pemikiran masyarakat Melayu ke atas mantera juga sebagai satu elemen budaya turut mengalami perubahan. Pemikiran lama diubah bagi disesuaikan dengan pemikiran baru. Perubahan yang berlaku disebabkan pelbagai pengaruh luar khususnya industri pakaian, kosmetik dan produk kecantikan diri di pasaran yang mampu mempengaruhi wanita dalam kecantikan diri. Turut dibantu dengan media pengantara yang berkesan melalui televisyen serta majalah berkaitan wanita yang terdapat di pasaran. Perubahan dalam masyarakat dan pengaruh





modernisasi ke atas mantera akhirnya membentuk pemikiran baru dalam masyarakat. Dengan itu, masihkah masyarakat terutamanya wanita Melayu melihat dalam mantera terdapatnya simbol kecantikan pada masa kini?

Hal ini terbukti terdapatnya simbol kecantikan wanita dalam mantera pengasih berikut yang menggambarkan kecantikan wanita diungkapkan sesuatu yang indah seperti bunga, burung, bulan, bintang dan sebagainya.

Hei! Pinang setandan mulih
kampung setelat di buku buluh
titi kata
kata burung Cenderawasih
selagi aku tidak mati
semua orang memandang aku kasih.
(*Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*, 2004, p. 396)



Cenderawasih menunjukkan sejenis burung yang tercantik sepertimana diketahui umum, malah turut mewakili tanda kecantikan yang menggambarkan wanita. Apabila makna perkataan itu dijadikan sebagai fokus utama kecantikan wanita, hal ini menunjukkan bahawa pengamal mantera pengasih tersebut memiliki fizikal yang cantik dari hujung rambut hingga hujung kaki. Mantera tersebut diamalkan untuk menarik perhatian umum supaya kagum melihat kecantikan yang dimilikinya.

Berdasarkan petikan mantera pengasih di atas, perkataan burung Cenderawasih menunjukkan sejenis burung yang tercantik sepertimana diketahui umum, malah turut mewakili tanda kecantikan yang menggambarkan wanita. Apabila makna perkataan itu dijadikan sebagai fokus utama kecantikan wanita, hal ini menunjukkan bahawa pengamal mantera pengasih tersebut memiliki fizikal yang





cantik dari hujung rambut hingga hujung kaki. Mantera tersebut diamalkan untuk menarik perhatian umum supaya kagum melihat kecantikan yang dimilikinya.

Oleh itu, unsur-unsur simbol kecantikan wanita dalam teks kajian pengkaji perlu dikenal pasti dan dikaji makna yang wujud di sebaliknya. Unsur-unsur simbol juga perlu dikaji untuk mengetahui sebab pengarang memasukkan unsur-unsur tersebut dalamnya dalam usaha untuk menunjukkan bahawa teks ini sebagai sebuah teks yang memberikan pendidikan dan panduan kepada masyarakat, pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah.

Malahan, kajian ini juga turut merungkai adakah wujud ikon, indeks dan simbol dalam teks ini seperti yang dikemukakan oleh Sander Pierce dalam teori semiotik. Hal ini kerana setelah pengkaji membuat beberapa kajian kepustakaan, pengkaji mendapati teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) telah dikaji oleh tokoh ilmunan mengikut perspektif yang berbeza. Sebagai contoh, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2017) mengkaji teks ini mengikut perspektif beliau dari sudut fungsi simbol dalam mantera Melayu berdasarkan model Pierce Hashim Awang. Namun, kajian simbol kecantikan wanita menggunakan teori semiotik Pierce (1965) terhadap teks ini masih belum dilakukan. Dengan itu, pemilihan teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) adalah sesuai dan perlu dikaji bagi mengenal pasti dan menganalisis pelbagai bentuk simbol kecantikan wanita yang terdapat di dalamnya di samping merungkai makna simbol tersebut.



1.4 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian ke atas teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) ini, iaitu :

- 1) Mengenal pasti simbol-simbol kecantikan wanita yang digunakan dalam mantera Melayu.
- 2) Menganalisis makna di sebalik simbol-simbol kecantikan wanita yang digunakan dalam mantera Melayu dengan menggunakan teori semiotik Pierce (1965).

1.5 Soalan Kajian



Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut :

- 1) Adakah terdapat simbol-simbol kecantikan wanita yang digunakan dalam mantera Melayu?
- 2) Apakah makna di sebalik simbol-simbol kecantikan wanita yang digunakan dalam mantera Melayu?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan kerana mantera memiliki pelbagai falsafah yang tersurat mahupun tersirat. Mantera diperkatakan melalui lisan sejak dahulu lagi memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat. Oleh kerana kajian dari aspek simbol kecantikan wanita belum dilakukan oleh pengkaji dan penyelidik tempatan, maka





kajian ini dilihat sebagai satu cara untuk mengetengahkan simbol kecantikan wanita dalam mantera bagi menunjukkan bahawa teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) sebuah teks yang menambahkan ilmu dan pengetahuan dan mendidik masyarakat, pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah sebagai rujukan penting dalam melakukan pembacaan dan pengkajian.

Kajian ini juga diharap dapat memberikan rujukan dan manfaat kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk membuat kajian dalam bidang yang sama terutamanya puisi Melayu yang melibatkan mantera Melayu. Malah, turut mendedahkan pengetahuan baharu kepada pengkaji tentang simbol kecantikan wanita dalam mantera yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dahulu. Hal ini memberikan gambaran bahawa masyarakat Melayu dahulu amat akrab dengan alam sekeliling sehinggakan wujudnya simbol tertentu berkaitan alam kepada kehidupan masyarakatnya.

Oleh itu, kajian ini berguna kepada semua pihak kerana ia boleh dijadikan bentuk modul bahan bacaan terutamanya dalam menambahkan ilmu dan menyelesaikan sebarang kekeliruan dan pendapat yang berlaku dalam masyarakat tentang mantera. Malah, boleh menarik minat dan mendidik masyarakat terutamanya para pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mahupun sekolah mengetahui dengan lebih mendalam tentang mantera yang mana bukan sahaja dapat menyembuhkan penyakit bahkan yang penting terdapatnya simbol tertentu seperti simbol kecantikan wanita. Dengan itu, dapatlah menarik semua golongan masyarakat mengambil sikap ingin tahu dan belajar keindahan bahasanya dan sakaralnya dalam mantera.





1.7 Batasan Kajian

Menurut Amir (2006), batasan kajian memberitahu tentang had-had atau kekurangan kajian. Dalam kajian, pengkaji membataskan kajian kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Kajian ini dilihat hanya berfokus kepada kajian terhadap sebuah teks iaitu teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004). Teks ini adalah teks pengumpulan mantera cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2004 setebal 1059 halaman dan diselenggarakan oleh Haron Daud.

Batasan kajian ini hanya berfokus kepada unsur simbol kecantikan wanita yang terdapat dalam mantera berdasarkan teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) melalui ikon, indeks dan simbol dengan menggunakan teori semiotik Peirce (1965). Kajian pengkaji juga menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan mantera yang mengandungi simbol kecantikan wanita. Kajian ini turut mengupas konsep ikon, indeks dan simbol iaitu sebuah tanda yang terdapat pada tahap kedua dalam teori semiotik Peirce (1965). Bahkan, simbol dan makna sangat berkait rapat antara satu sama lain. Oleh itu, makna tertentu dapat dirungkaikan melalui simbol dan simbol juga turut melambangkan atau memperlihatkan makna yang tertentu kepada sesuatu perkara atau benda.

Kajian ini juga mengaitkan penggunaan simbol kepada kecantikan wanita dalam mantera yang terdapat dalam teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004) dengan situasi yang benar-benar berlaku dalam dunia nyata. Sekaligus, tafsiran terhadap simbol kecantikan wanita dalam teks mantera ini akan dapat dirungkai



sebaiknya dengan mengaitkan simbol-simbol yang terdapat di dalamnya. Dengan itu, kajian ini dapat dianggap sebagai suatu bahan tambahan baru kepada kajian-kajian ilmiah yang telah sedia ada.

1.8 Definisi Istilah dan Operasional

1.8.1 Simbol Kecantikan

Menurut Bukhari Malek (2017) simbol adalah objek yang mewakili tanda atau memberi maksud tertentu. Simbol-simbol ini boleh didapati di merata-rata tempat, baik di pejabat, kedai, pusat membeli-belah ataupun di jalan raya. Simbol juga melambangkan sesebuah idea, imej visual, kepercayaan, tindakan atau sesuatu perkara yang dapat dilihat atau dizahirkan. Selain itu juga, simbol boleh terdapat dalam bentuk perkataan, bunyi, pergerakan, isyarat ataupun imej digambarkan serta dapat digunakan untuk menyampaikan idea dan pendapat.

Simbol paling umum ialah tulisan yang merupakan simbol kata-kata dan suara. Simbol melambangkan sesuatu benda seperti bentuk kubah dan bulan iaitu masjid. Malah, simbol turut memperlihatkan lambang yang sering digunakan dalam sastera yang kebanyakan digunakan sebagai metafora atau perumpamaan iaitu gaya bahasa dalam sastera bagi memperlihatkan lambang sesuatu perkataan tertentu yang jelas kepada para pembaca. Sebagai contoh, sekuntum bunga Ros berwarna merah dapat menjadi simbol ‘cinta’. Selain itu, pada peta pula gambar garpu dan sudu melambangkan simbol kepada tempat makan atau restoran. Malahan juga, angka pula



merupakan simbol kepada nombor untuk menyenangkan proses pengiraan (W. L. Jenkins, 1952).

Penggunaan simbol dapat memberi interpretasi baharu terhadap sesuatu yang diungkapkan dalam karya sastera. Kajian yang menggunakan konsep simbol ini mampu mengungkapkan bagaimana pengkarya menghasilkan sesuatu konsep penceritaan yang sesuai dengan konteks peristiwa dan latar penceritaan itu sendiri. Melalui pengenalpastian konsep simbol, pemikiran dan idea yang dihasilkan oleh pengarang akan menjadi lebih jelas kepada pembaca umumnya dan pengkaji sastera khususnya (Ruzila Mohamed, 2016, p. 16-17).

Konsep cantik pula merupakan sangat menarik apabila dipandang iaitu orang perempuan, rupa muka, bangunan, benda, pemandangan dan lain-lain. Selain itu, sangat elok merujuk kepada bagus dan molek (*Kamus Dewan*, 2005, p. 245).

Definisi cantik untuk wanita tempatan : kulit - putih, gebu, halus, tegang; bentuk badan - langsing, tinggi, ramping dan sebagainya. Kecantikan bersifat subjektif namun dalam konteks wanita Malaysia terdapat seolah-olah satu kecenderungan bagaimana rujukan definisi cantik bagi seseorang wanita itu dilakukan. Hal ini dapat dibuktikan daripada lukisan-lukisan di mana wajah seorang wanita cantik di dalamnya dapat dikaitkan dengan beberapa istilah yang merujuk kepada kecantikan wanita tersebut seperti 'pipi pauh dilayang' dan 'bibir mekar bak delima merekah' dan sebagainya untuk menonjolkan kecantikan wanita tersebut bagi menunjukkan lambang kecantikan yang ada pada wanita itu. Tambahan beliau lagi, kecantikan wanita digambarkan - *pipi pauh dilayang, hidung mancung bak seludang,*





rambut hitam ikal mayang, bibir merah bak delima, kulit putih bak kapas di busur, gigi teratur bak sirih disusun, dagu bak lebah bergantung, alisnya lentik, pinggang ramping bak kerengga (Indirawati Zahid, 2017).

Cantik juga lahir dari kecantikan dalaman yang memerlukan terapi mental yang menghasilkan kesan yang positif seperti bahagia, yakin dan semangat dalam melakukan sesuatu perkara. Hal ini demikian kerana cantik ini mempunyai aura tersendiri kepada diri seseorang sama ada dalam melakukan pekerjaan, suasana sekeliling dan sebagainya. Ia akan mewujudkan satu perasaan yang indah dan menarik bagi kelangsungan hidup yang lebih harmoni dan sejahtera. Pengkaji puisi, Ali Ahmad (1994) dalam bukunya *Pengantar Pengajian Kesusasteraan* menyimpulkan beberapa penekanan tentang puisi iaitu sebagai pandangan tentang kehidupan, kebenaran, kecantikan dan fikiran.

Simbol dan kecantikan berdasarkan teori semiotik Pierce (1965) dalam kajian ini pula membahagikan unsur simbol kepada tiga elemen penting dalam kajian iaitu ikon, indeks dan simbol. Ikon merujuk kepada pelaku atau watak. Indeks pula merujuk kepada simbol penyebab dan simbol pula merujuk kepada objek tertentu. Dengan itu, kajian ini secara umumnya akan mengkaji unsur simbol kecantikan yang merujuk kepada ketiga-tiga elemen berikut iaitu ikon, indeks dan simbol.





1.8.2 Mantera

Mantera merupakan salah satu sastera rakyat. Kategori sastera rakyat mencakupi lagu rakyat, dongeng, peribahasa, teka-teki, lagenda dan banyak yang termasuk tradisi lisan (Panuti Sudjiman, 1986, p. 69).

Menurut Herman (1987) mantera terdiri daripada kata-kata yang mempunyai kekuatan ghaib sehingga dapat berhubung dengan kuasa luar biasa dan bersifat sakral dengan orang yang berwibawa seperti bomoh.

Mantera juga dilihat mempunyai falsafah yang tersendiri apabila dirungkai maksud yang tersirat dalam mantera tersebut. Mantera biasanya digunakan oleh bomoh atau pun pawang yang penyebutannya boleh menimbulkan kuasa ghaib (Azlina Musa & Yusmilayati Yunos, 2011).

Menurut Noriah Taslim yang dipetik dalam Rogayah A.Hamid (2007, p. 201), konsepsi tentang magis bahasa atau sihir lisan ini mengaitkan juga bahasa dengan kuasa untuk mempengaruhi, mengubah dan melentur emosi, juga tindak-tanduk, malah untuk mengubah alam dan realiti. Istilah mantera itu sendiri membawa konotasi yang sedemikian. Mantera daripada kata akar Sanskrit ‘man’ bermaksud ‘hati’ dan ‘tra’ bermaksud ‘tenteram’ dan apabila digabungkan melunjurkan maksud mententeramkan hati, menundukkan unsur-unsur jahat atau nafsu yang merosakkan hati. Berdasarkan konsep tersebut, bunyi dan kata yang disusun dalam mantera sama dengan perkataan-perkataan suci yang tersusun dalam kitab-kitab suci dan kemudiannya bahasa yang digubah secara halus dan seni, diasosiasikan dengan





kuasanya sebagai penyembuh jiwa yang dibahasakan sebagai bahasa dalam komunikasi untuk mengawal dan mengimbangkan emosi, atau istilah psikologinya disebut fungsi psikoterapetik.

Bagi masyarakat Melayu, mantera disebut juga sebagai jampi serapah. Kedua-dua elemen ini sangat berkait rapat antara satu sama lain. Meletakkan jampi sebagai membawa maksud membaca mantera, iaitu sejumlah ayat yang dibaca untuk mendapatkan sesuatu hajat. Manakala, pengertian serapah membawa maksud mengusir makhluk halus, seperti hantu, jin, syaitan dan juga menghalau binatang buas dengan cara sumpahan (*Kamus Dewan*, 1989, p. 408).

Haron Daud (2001) pula menyatakan bahawa jampi ialah semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau bahasa berirama yang mengandungi unsur magik dan diamalkan oleh orang tertentu, terutama bomoh dengan tujuan kebaikan atau sebaliknya. Beliau menghuraikan bahawa mantera pemanis membuatkan wajah dan perwatakan seseorang berseri dan menarik sehingga menimbulkan minat dan kasih sayang orang lain kepadanya. Secara umumnya, terdapat banyak mantera pemanis yang digunapakai secara khusus, sama ada penyeri seluruh badan seperti muka dan gigi, penyeri pakaian dan pemanis suara. Sekaligus, dalam mantera ini, diri atau bahagian anggota badan dibandingkan dengan unsur alam yang cantik atau sesuatu yang disukai ramai.





1.8.3 Teori Semiotik Pierce (1965)

Perkataan semiotik sebenarnya berasal daripada perkataan *Greek* iaitu dari akar kata *semion* yang bermaksud sains umum yang mengkaji sistem perlambangan dalam segenap bidang kehidupan manusia. Semiotik dapat didefinisikan sebagai satu kajian sastera yang berhubung dengan tanggapan dan dianggap saintifik. Semiotik disimpulkan melalui sistem tanda. Ciri-cirinya mengarah kepada pemerhatian akan tanda-tanda dan menerangkan apakah tanda-tanda tersebut serta menghubungkannya dengan sistem di luar karya (Mana Sikana, 2013, p. 103).

Semiotik merupakan cabang ilmu yang berurusan dengan tanda dengan pengkajian tanda dan segala sesuatu yang berhubungan dengan tanda, seperti sistem tanda dan proses yang berlaku bagi tanda (Zoest dlm. Alfian Rokmansyah, 2014, p. 93-94). Bagi Pierce (1965), lambang atau tanda ini akan mengarahkan seseorang untuk berfikir secara mendalam bagi menemukan makna yang ingin disampaikan. Beliau juga telah membahagikan lambang atau tanda kepada tiga kategori utama iaitu ikon, indeks dan simbol seperti keterangan berikut :

i. Ikon

Ikon adalah tanda hubungan antara penanda dan petandanya yang bersifat alamiah. Ikon ialah sesuatu yang melaksanakan fungsi sebagai penanda yang serupa dengan bentuk objeknya. Dengan kata lain, ikon ialah tanda yang merujuk kepada objeknya berdasarkan keserupaan. Seseengah pengkaji menggunakan perkataan persamaan, kemiripan, kesepadanan dan hubungan yang bersifat alamiah bagi menggantikan



keserupaan antara penanda dengan bentuk objeknya itu. Pemilihan tersebut tidak lebih daripada sinonim sahaja (Puji Santosa, 1993, p. 10). Misalnya, gambar Tun Mahathir Mohamed ialah tanda yang merujuk kepada Tun Mahathir Mohamad. Gambar Tun Mahathir Mohamad ialah tanda dan Tun Mahathir Mohamad ialah objeknya. Melihat gambar Tun Mahathir Mohamad sama seperti melihat ikon Tun Mahathir Mohamad. Seseorang yang melihat ikon Tun Mahathir Mohamad akan mengaitkannya dengan pemimpin yang berpengaruh di dunia. Ikon Tun Mahathir Mohamad juga berbakat besar dalam bidang kepimpinan.

Ikon memang mempunyai daya pikat kerana daya pikatlah maka iklan banyak menggunakan ikon. Begitu juga dalam politik, ikon aktor politik sering ditampilkan dalam media, terpampang dengan banyak dalam kawasannya untuk tujuan memikat pengundi. Ikon menjanjikan kenikmatan estetika dan keghairahan selagi seseorang menyukai ikon tersebut (Aart Van Zoest, 1993, p. 27).

ii. Indeks

Indeks adalah tanda yang menunjukkan ada hubungan alamiah antara tanda dan petanda yang bersifat hubungan sebab akibat sering dianggap sebagai tanda yang benar dan konkrit. Indeks juga ialah tanda yang menunjukkan kaitan antara penyakit dengan jalannya (simptom) kerana tanda merupakan fenomena sains. Indeks dapat dikategorikan sebagai petanda yang berdasarkan sebab, akibat, gejala, isyarat yang menunjukkan arah, peribadi dan perasaan. Manusia dalam kehidupannya sebahagiannya berfikir dan berperasaan dalam tanda indeks (Mana Sikana, 1998, p.



183). Misalnya, apabila melihat asap, secara spontan mengetahui bahawa ada sesuatu yang telah terbakar. Oleh itu, asap telah menjadi tanda kepada objeknya iaitu api.

Penggunaan indeks sering dijumpai dalam pantun Melayu. Contohnya, ‘kelip-kelipku sangka api’. Pemantun kemudiannya terfikir kembali dan mencari indeksikal yang dapat memberi bukti yang tepat kepadanya. Asap ialah tanda yang menunjukkan adanya api. Pemantun tidak melihat asapnya. Tahulah pemantun bahawa kelip-kelip yang dilihatnya bukan api (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2007, p. 8).

iii. Simbol

Simbol adalah tanda yang menunjukkan bahawa tidak ada hubungan alamiah antara penanda dan petandanya, hubungannya bersifat arbitrari hubungan berdasarkan konvensi (perjanjian) masyarakat. Simbol muncul secara sewenang-wenangnya dan berdasarkan sesuka hati sesuatu masyarakat. Dengan kata lain, simbol tidak terdapat asas yang berdasarkan pemikiran dan pertimbangan untuk menamakan sesuatu itu sebagai tanda (Dani R. Hasanudin & Tedi Ruhayat, 2006, p. 94). Misalnya, rumah dengan siratan makna tempat tinggal manusia ialah simbol dalam lingkungan masyarakat dan budaya Melayu sahaja. Hanya lingkungan masyarakat pengguna bahasa Melayu sahaja yang boleh memahami dan mengetahui lebih lanjut mengenai makna simbol rumah. Individu yang berada di luar daripada lingkungan masyarakat Melayu tidak akan memahaminya.





Seseorang yang berbangsa Belanda dan tinggal di Belanda misalnya tidak mengetahui dan memahami makna daripada simbol rumah dalam bahasa Melayu. Beliau hanya memahami siratan makna tempat tinggal manusia bererti beliau telah mempelajari simbol tersebut dalam bahasa dan budaya Melayu. Simbol mestilah dipelajari sama ada secara langsung atau tidak langsung. Individu biasanya akan mempelajari simbol daripada masyarakat dan persekitaran. Simbol akan memperkaya pengalaman dan meningkatkan pemikiran seseorang (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2007, p. 10).

Dalam kajian ini, simbol dikaitkan dalam karya sastera iaitu mantera dengan teori semiotik Pierce (1965) menggunakan tiga elemen iaitu ikon, indeks dan simbol. Dengan itu, dapat membantu para pengkaji dan pembaca untuk memahami dengan lebih mendalam tentang makna yang ingin disampaikan oleh pengarang. Di samping itu, kajian ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pembacaan dan pengkajian.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, untuk mendapatkan sesuatu bahan bagi memberikan idea kepada kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan sebaiknya. Malah, pengkaji turut menggunakan teori semiotik Pierce (1965) sebagai landasan kepada kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur simbol kecantikan wanita yang terdapat dalam teks *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* (2004). Unsur simbol tersebut akan dirungkaikan menggunakan tiga elemen dalam





teori iaitu ikon, indeks dan simbol. Hal ini kerana setiap elemen berkait rapat antara satu sama lain dalam mengkaji makna yang ingin disampaikan oleh pengarang.

